

S H 13/1/2020 m/s 20

Bot patah balik nampak penguatkuasa



Bot nelayan yang ditahan APMM.

KLANG - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas A di perairan Pulau Tengah di sini kelmarin.

Pengarahlanya, Kepten Maritim Mohammad Rosli Kassim berkata, bot terbabit berpatah balik ketika terserempak dengan bot peronda maritim pada jam 5.30 petang.

"Kita berjaya memintas bot berkenaan kira-kira 3.1 batu nautika barat daya Pulau Tengah.

"Hasil pemeriksaan mendapati empat lelaki berada di atas

bot itu di mana dua daripadanya adalah warga Indonesia yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan dua lagi warga tempatan merupakan tekong bot berkenaan," katanya.

Mohammad Rosli berkata, kesemua mereka berusia dalam lingkungan 35 hingga 54 tahun dibawa ke Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor untuk siasatan lanjut.

Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menggaji warganegara asing dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.